



**SARA**  
SKIM AMANAH RAKYAT

## SKIM AMANAH RAKYAT 1MALAYSIA

Program anjuran



### MAKLUMAT UMUM

Skim Amanah Rakyat 1Malaysia (SARA 1Malaysia/Skim) merupakan suatu skim khas yang diperkenalkan oleh Kerajaan Malaysia bertujuan untuk menggalakkan penyertaan golongan berpendapatan rendah menabung dan melabur di samping untuk membantu mereka menangani kesan kenaikan kos sara hidup semasa.

Skim ini dikendalikan dengan kerjasama Permodalan Nasional Berhad (PNB) serta institusi-institusi kewangan terlibat.

Melalui Skim ini, rakyat Malaysia yang berkelayakan akan berpeluang untuk memohon pinjaman berjumlah RM5,000 untuk melabur dalam Amanah Saham 1Malaysia (AS 1Malaysia) yang diuruskan oleh Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)\*, dan akan menerima bayaran insentif yang menarik ke atas tabungan dan pelaburan yang dibuat.

\* ASNB ialah anak syarikat milik penuh PNB yang bertanggungjawab untuk mengurus tabung unit amarah AS 1Malaysia.



### CIRI-CIRI ISTIMEWA SKIM

- Pembiayaan berjumlah RM500 juta kepada 100,000 isi rumah. Agihan adalah berdasarkan "permohonan awal didahulukan". Permohonan dibuka selama satu tahun mulai dari tarikh permohonan dibuka kepada awam atau sehingga semua peruntukan pembiayaan habis dilanggan, yang mana lebih awal.
- Agihan adalah terbuka kepada seluruh rakyat Malaysia berdasarkan AS 1Malaysia, iaitu: Bumiputera — 50%; Cina — 30%; India — 15%; Lain-lain — 5%.
- Melalui Skim ini, insentif bulanan akan dibayar kepada peserta dalam bentuk unit-unit tambahan AS 1Malaysia.
- Peserta hanya perlu menjelaskan bayaran balik bulanan yang minimum selama 5 tahun.

### KELAYAKAN

- Warganegara Malaysia berumur 18-58 tahun;
- Pemohon mempunyai jumlah pendapatan isi rumah antara RM500-RM3,000;
- Pemohon tidak mufis sepanjang tempoh pembiayaan pinjaman;
- Pemohon dan/atau pasangan tidak menerima bantuan dari skim-skim khas lain Kerajaan yang diuruskan oleh Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) iaitu Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT), ASB Sejahtera dan ASW2020-Bandar;
- Pemohon dan/atau pasangan tidak memiliki pelaburan di dalam mana-mana unit amarah ASNB ATAU; sekiranya ada, jumlah pelaburan terkumpul adalah bersamaan atau kurang dari RM10,000;
- Hanya salah seorang isi rumah yang layak memperoleh pembiayaan pinjaman; dan
- Kelulusan permohonan juga adalah tertakluk kepada syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh institusi kewangan.

### DEFINISI ISI RUMAH

Isi rumah yang layak memohon adalah individu dengan jumlah pendapatan kasar bulanan antara RM500-RM3,000 yang merangkumi kategori berikut:-

- Berkahwin — kombinasi pendapatan kasar suami dan isteri; dan
- Ibu atau bapa tunggal — pendapatan kasar individu

### PERMOHONAN

Pemohon yang berminat mestilah mendapatkan borang daripada bank-bank yang terlibat mulai 30 Januari 2012\*\*. Borang-borang yang telah lengkap beserta dokumen-dokumen yang diperlukan diserahkan kepada bank untuk disahkan dan dipertimbangkan. Pemohon yang berjaya akan dimaklumkan oleh pihak bank.

\*\* Tertakluk kepada pindaan.

### DOKUMEN-DOKUMEN YANG DIPERLUKAN

Pemohon perlu menyediakan dokumen-dokumen asal dan salinan seperti berikut :-

- Kad Pengenalnalan pemohon - 2 salinan
- Kad Pengenalnalan pasangan (jika berkenaan) - 1 salinan
- Dokumen Pengesahan Pendapatan
  - Penyata Gaji 3 bulan terkini ATAU Penyata Bank 3 bulan terkini pemohon dan/atau pasangan.
  - Sekiranya tiada Penyata Gaji atau Penyata Bank, perakuan dan petyarahan yang dinyatakan dalam BPPSARA1M Bahagian C akan diguna pakai\*\*\*.

\*\*\* BPPSARA1M MESTI ditandatangani di hadapan SAKSI\* sama ada Majikan/Penghulu/Pegawai Jabatan Kemajuan Orang Asli/Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan & Profesional/Ahli Dewan Undangan Negeri/Ahli Parlimen.

### HUBUNGI KAMI

#### Unit Projek Khas – SARA 1Malaysia

Tingkat 28, Menara PNB  
201-A Jalan Tun Razak  
50400 Kuala Lumpur

**03-2057 3065**

Atau emel: [saracare@sara1malaysia.com.my](mailto:saracare@sara1malaysia.com.my)  
Atau layari: [www.sara1malaysia.com.my](http://www.sara1malaysia.com.my)  
Faks: 03-20505140

**HOTLINE** dari 9 pagi hingga 5 petang  
Isnin hingga Jumaat (kecuali hari kelepasan am)

Dengan kerjasama



Permodalan Nasional Berhad

(BERSEKUTU)



Prospektus Induk bagi tabung-tabung unit amarah ASNB bertarikh 30 Jun 2011, Prospektus Induk Tambahan Pertama bertarikh 17 Ogos 2011, dan Prospektus Induk Tambahan Kedua bertarikh 1 Januari 2012, telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, dan boleh diperolehi di mana-mana pejabat ASNB dan ejen-ejenya. Unit-unit akan diterbitkan setelah penerimaan borang pendaftaran seperti yang terdapat di dalam prospektus tersebut. Sebelum melabur, sila baca dan fahami kandungan prospektus tersebut. Jumlah keseluruhan pulangan pelaburan mungkin turun atau naik. Prestasi masa lalu tabung-tabung unit amarah ASNB bukanlah jaminan prestasi masa hadapan. Sebelum melabur, sila pertimbangkan yuran-yuran dan bayaran-bayaran yang dikenakan.